



## PANDUAN PEMBENTANGAN nTrends'21 1 SEPTEMBER 2021

- i. Pembentang dikehendaki bersedia **10 minit lebih awal (1.50 petang)** di dalam bilik pembentangan masing-masing.
- ii. Pembentang perlu memilih tempat yang kondusif untuk melaksanakan pembentangan secara dalam talian bagi mengelakkan sebarang gangguan.
- iii. Latar virtual dan pakaian formal adalah digalakkan.
- iv. Pembentang diminta untuk memastikan mikrofon dalam mod senyap ketika sesi pembentangan lain sedang berlangsung.
- v. Sekiranya berlaku pertukaran pembentang, mohon untuk maklumkan melalui saluran whatsapp yang telah sedia ada, juga kepada moderator/panel pada sesi pembentangan tersebut.
- vi. Pembentang tidak dibenarkan meninggalkan bilik pembentangan sebelum semua sesi pembentangan selesai.
- vii. Pembentang perlu membuka paparan kamera ketika giliran pembentangan berlangsung. Sebagai sokongan kepada pembentang lain, peserta boleh membuka paparan kamera sepanjang sesi pembentangan.
- viii. Slaid pembentangan perlu dikongsikan sendiri oleh pembentang melalui akaun webex masing-masing. Moderator akan membantu untuk kongsi slaid pembentangan dengan menggunakan bahan slaid yang dimuat naik sebelum ini, sekiranya pembentang berhadapan masalah teknikal sahaja.
- ix. Tempoh pembentangan adalah **10 minit**. Kemudian, sesi soal jawab akan berlangsung selama **5 minit**. Sila pastikan pengurusan masa dan slaid sesuai dengan waktu ini.
- x. **Anugerah pembentang terbaik** akan dinilai oleh panel di setiap bilik pembentangan dengan mengambil kira kreativiti dan kandungan slaid pembentangan, intonasi suara/gaya persembahan dan kemampuan menjawab soalan dengan baik.
- xi. Sesi fotografi secara dalam talian akan diadakan di akhir sesi pembentangan.